

S'pura lancar hab maklumat tangani isu haba Asia Tenggara

► **SYED MUHAMMAD FIRDAUS**
smfirdaus@sph.com.sg

Satu langkah penting dalam usaha sama Asia Tenggara untuk menangani cabaran haba dan kesihatan di rantau ini telah tercapai melalui pelancaran rasmi Hab Rangkaian Maklumat Kesihatan Haba Sejagat (GHHIN) Asia Tenggara pada 7 Januari.

Semasa pelancaran pertama forum GHHIN itu, Menteri Negara Kanan (Tenaga Manusia merangkap Kemampunan dan Sekitaran), Dr Koh Poh Koon, memuji Pusat Daya Tahan dan Prestasi Haba (HRPC) di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS atas kepimpinan mereka dalam menubuhkan hab tersebut.

Ia akan memudahkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembinaan keupayaan dalam kalangan pihak berkepentingan.

"Hab tersebut akan memperkasakan rantau Asia Tenggara untuk membangun dan melaksanakan strategi kesihatan haba yang berkesan.

"Usaha-usaha ini mengukuhkan kerjasama serantau kita mengenai daya tahan haba, yang penting untuk masa depan kita bersama," kongsi Dr Koh dalam acara yang diadakan di Parkroyal on Beach Road itu.

Dalam menghadapi suhu yang semakin meningkat, Singapura tambah beliau, telah menerapkan strategi ketahanan haba yang bersifat saintifik dan proaktif dengan tiga pendekatan utama – pendinginan bandar, inovasi, dan daya tahan masyarakat.

Mengenai pendinginan bandar, pendekatan itu menumpukan pada reka bentuk bandar yang peka iklim, mempertingkatkan kehijauan dalam persekitaran bandar, dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Kami telah mula memasukkan pemodelan alam sekitar di peringkat awal dalam reka bentuk dan perancangan bandar dan estet baru, seperti kawasan Lentor.

"Ia untuk menilai konfigurasi yang paling optimum bagi meningkatkan aliran angin dan keselesaan suhu," ujar Dr Koh.

Bagi aspek inovasi, beliau mengetengahkan projek 'Cooling Singapore 2.0' yang menggunakan model digital untuk meniru iklim bandar dan menguji keberkesanan pelbagai strategi pendinginan.

Beliau turut merujuk kepada penyelidikan bersama HRPC dan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS mengenai kesan suhu malam yang lebih panas dan lembap terhadap mutu tidur.

Ia bertujuan membangunkan hurai pendinginan inovatif seperti sistem pintar yang boleh menyesuaikan kelajuan kipas dan suhu penghawa dingin.

"Ini akan memastikan bahawa peningkatan suhu tidak menjejaskan orang ramai sementara kita kekal cekap tenaga," ujar Dr Koh.

Pendekatan terakhir, iaitu daya tahan masyarakat, memberi tumpuan kepada meningkatkan kesedaran dan menyediakan panduan kepada orang ramai mengenai cara mengurangkan risiko akibat haba melampau.

Ini termasuk Nasihat mengenai Tekanan Haba, yang dilancarkan pada 2023, yang membolehkan orang ramai memantau tahap tekanan haba melalui aplikasi myENV dan mengambil langkah pencegahan.

Dalam menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam menghadapi cabaran perubahan iklim, Dr Koh turut merujuk kepada Kajian Perubahan Iklim Ketiga Singapura (V3), yang merupakan resolusi tertinggi yang ditetapkan bagi unjuran perubahan iklim yang meliputi Asia Tenggara.